

UNTUK SIARAN SEGERA



PERDANA MENTERI RASMI PEMBUKAAN NTW 2025: MEMACU KEMAHIRAN ASEAN KE PERINGKAT LEBIH TINGGI

KUALA LUMPUR, 14 Jun 2025 – Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah menyempurnakan pembukaan Kemuncak Minggu Latihan Kebangsaan (National Training Week - NTW) 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KESUMA) melalui Human Resource Development Corporation (HRD Corp), bertempat di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini, hari ini.

Seiring dengan penganjuran ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025 sebagai acara utama keduanya, NTW 2025 meluaskan jangkauannya dengan membuka akses portal NTW kepada negara-negara ASEAN. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan perkongsian amalan terbaik serantau dalam pembangunan bakat. Semua kursus ditawarkan secara percuma, bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, tetapi juga kepada seluruh warga ASEAN, sejajar dengan tema “Pembelajaran Tanpa Sempadan”.

NTW 2025 yang bermula secara rasmi hari ini akan berlangsung sehingga 21 Jun 2025, menandakan langkah penting dalam menyatukan negara-negara ASEAN di bawah visi bersama pembangunan kemahiran dan penyediaan tenaga kerja masa depan yang bersedia untuk menghadapi cabaran global.

Susulan kejayaan cemerlang NTW 2024, NTW 2025 berhasrat untuk melangkah lebih jauh dengan menyasarkan satu juta penyertaan tempatan di seluruh negara melalui lebih 65,000 kursus percuma serta 1,000 aktiviti pembelajaran dan pembangunan (L&D) berimpak tinggi.

Aktiviti-aktiviti L&D ini ditawarkan melalui pelbagai platform termasuk latihan fizikal, sesi dalam talian secara langsung, pembelajaran sendiri (self-paced e-learning), program hibrid/campuran serta sesi bimbingan dan fasilitasi. Kesemua aktiviti ini berpaksikan kepada lima teras utama tahun ini iaitu Kemahiran Hidup, Kemahiran Masa Depan (Pendigitalan, AI, TVET dan STEM), Kreativiti dan Inovasi (seni, budaya dan teknologi kreatif), Literasi Kewangan, dan Pembangunan Mampan.

UNTUK SIARAN SEGERA

Antara kursus popular yang ditawarkan sepanjang NTW 2025 adalah "Neurodiversity Virtual Training," "Cyber Security Threat Management (CSTM)," "ChatGPT Malaysia Community: Malaysia's Premier AI Learning Platform," "Drone Flying Skills for New Pilots," "Tax Planning for Individuals' Year 2025" dan "Generative AI For Everyone".

Selain majlis perasmian, acara yang berlangsung selama dua hari ini menandakan permulaan kepada gerakan peningkatan kemahiran berskala ASEAN selama seminggu dengan membawakan pelbagai aktiviti menarik termasuk penampilan istimewa watak Ejen Ali serta persembahan artis terkenal seperti Bunkface dan Alif Satar & The Locos.

Acara pembelajaran ini turut menyediakan aktiviti untuk kanak-kanak seperti LEGO Robotics dan pengekodan, Pameran STEM oleh Petrosains, penerokaan sains secara interaktif, serta peluang pembelajaran kemahiran hidup seperti Bengkel Asas Gunting Rambut oleh NIMROC, pertandingan solekan oleh Malaysia International Vocational Association (MIVA) & Watson serta latihan kemahiran digital dan AI oleh TM Berhad.

Selain aktiviti L&D, pertandingan-pertandingan seperti Debat Piala Menteri KESUMA, Pertandingan Pantun Piala Menteri KESUMA, PUNB X HRD Corp Biz Challenge 2025 dan Pitch and Grow 2025 turut diadakan dan para pemenangnya telah diumumkan semasa majlis perasmian.

Walaupun kempen selama seminggu ini akan berakhir pada 21 Jun 2025, rakyat Malaysia dan seluruh komuniti ASEAN masih boleh mengakses kursus-kursus percuma ini melalui portal NTW sepanjang tahun.

Acara gilang gemilang ini telah dihadiri lebih 2,000 pengunjung termasuk tetamu kehormat antaranya Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad; Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman bin Mohd Yusof; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim; Ketua Pegawai Strategi HRD Corp dan Pengerusi AYOS 2025, Dr. Rony Ambrose Gobilee; Ketua Pegawai Program dan Pengerusi NTW 2025, Soffian bin Mohammed Amin serta Penasihat AYOS 2025, Datuk Wira Shahul Dawood serta wakil-wakil agensi kerajaan, majikan, penyedia latihan, institusi Pendidikan dan NGO.

UNTUK SIARAN SEGERA

Untuk mengakses pelbagai kursus percuma ini, sila layari portal NTW di <https://www.nationaltrainingweek.gov.my/>

Ketahui lebih lanjut tentang AYOS 2025 dan semua platform flagship lain melalui portal rasmi <https://aseanyearofskills.org/>

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui pengubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjanaan pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.